

23/04/2001

Lebih 525,000 remaja labur dalam saham amanah PNB

Azman Mahmood

LEBIH 525,000 pelabur remaja melabur dalam saham amanah anjuran Permodalan Nasional Bhd (PNB) bernilai lebih RM750 juta sehingga kini, kata pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Beliau juga yakin penyertaan golongan remaja termasuk pelajar peringkat sekolah rendah hingga institusi pendidikan tinggi (IPT) masih boleh dipertingkatkan.

PNB melihat perkembangan pelaburan golongan berkenaan semakin positif kerana kebanyakan daripada mereka kini mula memahami konsep pelaburan dan pulangan yang diperolehi.

"Penyertaan golongan remaja dalam membuat pelaburan jangka panjang menerusi saham amanah institusi pelaburan dijamin kerajaan, masih boleh dipertingkatkan," katanya berucap pada perasmian pertandingan debat Piala Pusingan PNB sempena Minggu Amanah Saham Malaysia 2001, di Universiti Teknologi Mara Machang, Kelantan, semalam.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, Provos UiTM Machang, Datuk Prof Madya Dr Hussin @ Mohamad Ab Rahman dan Pengarah Pendidikan Kelantan, Datuk Mohamed Hassan.

Setakat ini, Ahmad Sarji berkata, penyertaan golongan remaja amat menggalakkan dalam saham amanah yang diuruskan kumpulan PNB seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

Justeru, bagi memastikan usaha kerajaan meningkatkan daya tabungan dan pelaburan menerusi saham amanah PNB, semua pihak termasuk universiti, sekolah dan sekolah, perlu memberi sokongan penuh untuk memberi kesedaran mengenai pentingnya budaya menyimpan.

"Saya harap pentadbir universiti, maktab dan sekolah memberi sokongan dan memandang serius usaha kerajaan meningkatkan tabungan dan pelaburan membabitkan penyertaan golongan pelajar yang boleh memberi sumbangan memantapkan lagi pembangunan ekonomi negara.

"Kita mahu melihat budaya menyimpan dipupuk peringkat prasekolah lagi sehingga menjadi amalan berterusan. Jadi, ASD menjadi satu lagi peluang pelaburan dibuka PNB yang boleh disertai remaja dan pelajar.

"Justeru, setiap pelajar harus mempunyai tabiat melabur atau simpanan dengan mempunyai matlamat masa depan, sama ada untuk menyambung pelajaran atau sebagai modal perniagaan," tegas Ahmad Sarji.

Sebagai langkah terbaru, PNB membuka peluang pelaburan untuk disertai remaja dan pelajar menerusi Amanah Saham Didik (ASD) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

ASD adalah amanah saham ketujuh PNB dengan saiz dana RM300 juta unit ditawarkan pada harga RM1 seunit.

Dengan jumlah pelaburan awal antara 100 (menerusi buku pelaburan) hingga 1,000 unit (menerusi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), ASD ditawarkan khusus kepada Bumiputera berusia 18 tahun ke atas termasuk pelabur yang melabur bagi pihak kanak-kanak berusia enam bulan hingga 17 tahun.

(END)